



# Program Kampung Malaysia

Oleh: Mohamad Hafiz Mohamad Shokri

Dewan Serbaguna Kubang Gajah, 27 Jun 2011, Universiti Malaysia Perlis sekali lagi telah diamanahkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi untuk menganjurkan program yang melibatkan mempromosikan konsep Gagasan 1 Malaysia peringkat zon utara. Sempena dengan itu pihak UniMAP telah memilih untuk mengadakan program Baktisiswa Kampung 1 Malaysia. Program ini telah melibat pelajar-pelajar daripada Institusi Pengajian Tinggi Awam.

Seramai 191 mahasiswa/i yang terlibat dalam menjayakan program ini terdiri daripada Universiti Malaysia Perlis sebagai tuan rumah, Universiti Utara Malaysia, Universiti Sains Malaysia, Universiti Teknologi Mara Pulau Pinang & Perlis, Politeknik Ungku Omar Ipoh, Kolej Komuniti Bandar Darul Aman Jitra dan Universiti Perguruan Sultan Idris. Program tersebut telah berlangsung selama 4 hari dan 3 malam bermula pada 27 Jun 2011 hingga 30 Jun 2011. Antara kampung-kampung yang terlibat ialah Kampung Perit Chuping, Kampung Tok Pulau Tengah, Kampung Ujong Bukit, Kampung Kuala Sungai Baru dan juga Kampung Kuala Kerpan Jerlun Kedah.

Hari pertama program merupakan pendaftaran para peserta dan juga majlis penyerahan anak angkat kepada keluarga angkat yang terlibat. Pada hari kedua, para peserta dan juga keluarga yang terlibat telah dipecahkan kepada beberapa tempat di sekitar kampung dan juga di pekan-pekan kecil berdekatan telah ditugaskan untuk menyebarkan risalah-risalah berkaitan konsep 1 Malaysia.

Tujuan acara ini diadakan ialah untuk memberitahu masyarakat umum bahawa mahasiswa/i juga memainkan peranan yang penting dalam mempromosikan konsep Gagasan 1 Malaysia ini. Pada sebelah malamnya pula diadakan majlis kenduri kampung di mana acara ini telah melibatkan gotong-royong sesama penduduk kampung, keluarga angkat dan juga anak angkat bersama-sama bersatu tenaga untuk menyediakan juadah makanan pada kenduri tersebut. Acara ini berjaya mengeratkan hubungan sesama masyarakat setempat bersama keluarga angkat.

Pada Hari ketiga, acara yang dilakukan ialah sesi Program Motivasi bersama pelajar-pelajar Tingkatan 5 & 6 di sekolah berdekatan. Antara sekolah yang terlibat ialah SMK Sanglang, SMK Ayer Hitam, SMK Dato Jaafar Hassan, SMK Abi & SMK Syed Saffi. Program sebegini lebih menekankan kepada pemberian motivasi dan semangat kepada pelajar-pelajar sekolah supaya menggandakan usaha dalam pengajian masing – masing supaya dapat melanjutkan pelajaran ke peringkat menara gading.

Pada hari terakhir peserta telah diserahkan kembali kepada pihak UniMAP. Setelah tamat majlis penyerahan di kampung masing-masing peserta sekali lagi dikumpulkan semula di Dewan Serbaguna Kubang Gajah untuk diadakan majlis penutupan. Perasmian majlis penutupan telah dirasmikan oleh Y. Bhg. Naib Canselor UniMAP. Selepas tamat majlis semua para peserta pulang ke universiti masing-masing dengan selamat.

